

**Senyuman, tepukan buat 'hero Malaysia', Dr Noor Hisham dan pasukan
Astro Awani
01 Julai 2020
Ridauddin Daud,**

PUTRAJAYA: Lebih empat bulan berjuang melawan COVID-19, sosok tubuh Datuk Dr Noor Hisham Abdullah hampir setiap hari terpampang di televisyen dan akhbar, berkongsi maklumat COVID-19 bersama rakyat Malaysia.

Dari situasi masih terkawal hinggalah kes mencecah tiga angka dan kembali kepada satu angka, Ketua Pengarah Kesihatan itu dan pasukannya tanpa lelah terus setia berkhidmat untuk negara.

Hari ini, Rabu, 1 Julai 2020, rakyat Malaysia mungkin menyaksikan senyuman paling gembira dan bermakna di wajah 'hero Malaysia' itu kerana negara mencatatkan hanya satu kes positif COVID-19.

Sambil tersenyum bangga, Dr Noor Hisham dan pasukannya mengangkat plakad tertera tulisan 'nombor 1' pada sidang media harian di sini pada Rabu.

“Hari ini baru kita ada satu kes, iaitu hari yang bersejarah, satu kes dilaporkan, dan kes sifar untuk penularan tempatan ya,” katanya diiringi tepukan semua yang hadir pada sidang media tersebut.

Terkenal dengan sikap rendah dirinya, Dr Noor Hisham dalam kenyataannya sebelum itu menyatakan kejayaan itu adalah kejayaan bersama rakyat Malaysia yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

“KKM ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak terutama masyarakat Malaysia di atas pencapaian ini.

“Seperti yang pernah dimaklumkan sebelum ini, pencapaian ini sememangnya hasil kerjasama setiap peringkat dan lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing,” ujarnya.

Sejak 27 Februari 2020, Malaysia akhirnya benar-benar menghampiri angka sifar kes positif harian COVID-19 dan diharapkan selepas ini, Malaysia akan menang sekaligus merekodkan sifar kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/senyum-tepukan-buat-hero-malaysia-dr-noor-hisham-dan-pasukan-249416>